

Kertas Konsep Faktor-Faktor Graduan Berkerjaya Memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah–Pengkhususan Sekolah Rendah

oleh

Salehudin Hj. Sabar

Mahadi Hj. Khalid

Jabatan Pendidikan Islam & Moral

ABSTRAK

Isu yang sentiasa dibangkitkan ialah sama ada calon guru yang berjaya dipilih benar-benar bercita-cita ingin menjadi guru. Masalahnya, terdapat sebilangan kecil guru yang memilih profesion keguruan dengan motif peribadi seperti mendapat gaji yang tetap, cuti yang panjang, dan pada jangkaan mereka bidang ini mudah serta tidak mencabar. Sikap mengutamakan kepentingan diri akan hanya memalapkan dunia pendidikan yang perlu didokong oleh watak-watak guru yang dinamis dan progresif. Kertas konsep ini bertujuan untuk melihat apakah faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi graduan yang telah bekerja sebelum memohon memasuki Kursus Perguruan Lepas Ijazah – Pengkhususan Sekolah Rendah di maktab-maktab perguruan. Sebanyak 5 faktor dikenalpasti mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu faktor pengaruh orang yang signifikan, faktor peribadi, faktor kerja itu sendiri, faktor jantina dan faktor lokasi tempat tinggal berkemungkinan menjadi pendorong mereka memilih kerjaya ini. Oleh itu, penulis mencadangkan agar satu kajian secara terperinci perlu dilakukan untuk mengenalpasti apakah faktor sebenar yang menyebabkan graduan ini memilih kursus tersebut dan seterusnya akan menjadi seorang guru.

Pengenalan

Kualiti pendidikan bermula dengan kualiti seorang guru. Peningkatan kualiti pendidikan guru merupakan satu usaha berterusan untuk melahirkan guru yang kreatif, berketrampilan dan berakhhlak mulia. Kurikulum pendidikan guru adalah dinamik dan sentiasa diubah suai supaya guru dilengkapkan dengan pengetahuan baru dan sikap positif sejajar dengan pembentukan negara yang progresif. Pengubahsuaian kurikulum menuntut para pendidik guru membuat peranjakan minda untuk melahirkan guru permulaan yang cekap teknologi dan yakin menghadapi perubahan dan menangani cabaran persekitaran sekolah semasa.

Bakal guru yang diharapkan menjadi pembimbing generasi muda hendaklah mempunyai ciri-ciri unggul yang menjadi aspirasi masyarakat dan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru sememangnya berhasrat memilih bakal guru yang berminat, bukan mereka yang hanya menceburkan diri setelah tiada pilihan lain kerana sikap separuh hati ini telah terbukti mendatangkan akibat buruk kepada profesion itu sendiri (Berita Bahagian Pendidikan Guru, 1990).

Sesungguhnya, usaha menjamin kualiti perkhidmatan dalam profesion keguruan di abad ini merupakan satu cabaran kerana arus pembangunan masa kini mendesak peningkatan kualiti dalam semua bidang perkhidmatan termasuklah bidang pendidikan. Oleh itu, menjadi harapan negara agar guru dapat memainkan peranan dalam mendidik anak bangsa menjadi warganegara yang berguna.

Latar Belakang

Pendidikan latihan guru telah mengalami beberapa perkembangan terkini di mana bilangan kursus dan pelajar di Maktab-Maktab Perguruan telah berkembang dan bertambah khususnya untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Mulai tahun 2003, Kursus Perguruan Lepas Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah telah diperkenalkan untuk melatih guru siswazah dalam bidang perguruan sekolah rendah. Kurikulum ini digubal berasaskan keperluan mengoptimumkan perkembangan kognitif kanak-kanak, keperluan meningkatkan ilmu pedagogi dan pengalaman berasaskan sekolah rendah serta keperluan memupuk nilai positif dan amalan profesional di kalangan guru. Keperluan-keperluan tersebut diterjemahkan dalam kandungan kurikulum latihan perguruan yang mendefinisikan bagaimana seseorang guru perlu merekabentuk pengajaran yang berkesan, mewujudkan suasana bilik darjah yang selesa, mewujudkan suasana keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang disanjung tinggi oleh masyarakat. Antara objektif program diadakan adalah untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 50% guru sekolah rendah berijazah menjelang tahun 2010.

Komponen Kursus

Kursus KPLI-SR mengandungi 5 komponen penting iaitu komponen pengkhususan, komponen teras, penyuburan diri, praktikum (latihan mengajar) dan GERKO (Kementerian Pendidikan, BPG, 2002).

Komponen Pengkhususan

Terdapat enam pengkhususan utama iaitu Pendidikan Islam, Pengajian Inggeris, Matematik, Sains, Kemahiran Hidup dan Pra Sekolah.

Komponen Teras

Selain dari mata pelajaran pengkhususan di atas, guru pelatih KPLI-SR juga dikehendaki mengambil mata pelajaran teras yang mengandungi tujuh mata pelajaran yang diwajibkan iaitu:

1. Ilmu Pendidikan
2. Bahasa Melayu
3. Bahasa Inggeris
4. Pengurusan Sumber Pengajaran
5. Sejarah Perkembangan Negara
6. Pendidikan Islam / Pendidikan Moral
7. Tamadun Islam

Peranan guru adalah penting dalam usaha menyediakan generasi yang seimbang perkembangannya. Mereka yang memilih kerjaya ini seharusnya mempunyai sikap yang positif dan peka terhadap perkembangan sekitar mereka. Profesion ini tidak seharusnya dijadikan sebagai kerjaya terakhir oleh pencari-pencari kerja. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, bidang pendidikan akan dihuni oleh mereka yang tidak berminat dan akibatnya menjaskankan mutu pendidikan negara (Atan Long, 1984).

Kriteria utama pemilihan calon guru untuk mengikuti program KPLI-SR di maktab adalah berasaskan kepada kelayakan akademik sahaja. Selain dari mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dari universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan, calon-calon juga dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat SPM/MCE/SPMV dan lulus ujian lisan Bahasa Malaysia pada peringkat tersebut (Kementerian Pendidikan, BPG, 1988). Sepatutnya, kriteria pemilihan calon-calon tidak terhad kepada kelayakan akademik semata-mata tetapi perlu juga diasaskan kepada kualiti personaliti dan faktor-faktor yang mendorong calon-calon memilih profesion ini (Suariani Supardi, 1996).

Ramai yang menganggap kerjaya perguruan ini merupakan salah satu kerjaya yang diceburi sebagai batu loncatan sahaja. Menurut Daisy Ee (1974) dan Obura (1974), ramai yang memilih kerjaya perguruan ini setelah gagal memasuki bidang-bidang lain dan guru menjadi pilihan mereka yang terakhir. Kini terdapat fenomena guru-guru meninggalkan kerjaya perguruan sama ada memohon bersara awal atau menceburi kerjaya lain yang lebih baik disebabkan rasa kecewa dengan kerjaya ini (Utusan Malaysia, 16 Nov 1993).

Definisi Istilah

Berikut adalah takrif beberapa istilah yang digunakan dalam kertas kerja ini.

Graduan Berkerjaya

Graduan berkerjaya di dalam kajian ini merujuk kepada sekumpulan siswazah keluaran universiti dalam dan luar negara yang telah mempunyai kerjaya sama ada tetap, kontrak atau sementara sebelum mereka ditawarkan mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah di Maktab-Maktab Perguruan di Sarawak .

Faktor Memilih Kursus

Faktor memilih kursus bermaksud sebab-sebab yang mendorong graduan yang telah berkerjaya tersebut membuat keputusan memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah. Di dalam memilih kursus ini, seseorang graduan yang telah berkerjaya tidak dapat mengelak diri dari pengaruh dalaman dan luaran yang telah mempengaruhi kecenderungan mereka untuk mengikuti kursus ini.

Maktab Perguruan

Maktab Perguruan ialah sebuah institusi yang ditubuhkan dibawah kawalan BPG (Bahagian Pendidikan Guru), Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengendalikan Program Kursus Perguruan Lepasan Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah.

Kursus Perguruan Lepas Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah (KPLI-SR)

Program ini mula diperkenalkan pada Januari 2003. Subjek pengkhususan yang ditawarkan dalam program ini ialah Pendidikan Islam, Pengajian Inggeris, Matematik dan Sains. Dua subjek pengkhususan ditambah pada 2004 iaitu Kemahiran Hidup dan Pra Sekolah.

Pernyataan Masalah

Institusi ‘melahirkan’ guru telah membekal dan ‘melambak’ guru setiap tahun ke pasaran. Namun, adakah setiap guru yang dipasarkan itu benar-benar bersedia untuk mengharungi profesion ini. Profesion ini memerlukan tahap professional yang tinggi untuk seorang guru itu benar-benar berwibawa. Persoalan yang boleh dibangkitkan ialah *Apakah faktor-faktor yang menyebabkan graduan yang telah berkerjaya memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah – Pengkhususan Sekolah Rendah di Maktab-Maktab Perguruan?*

Faktor Pemilihan Kerjaya

Faktor Pengaruh Orang Signifikan dengan Pemilihan Kursus

Dorongan orang lain dalam kehidupan kita sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemilihan kerjaya. Diantara orang yang dianggap berpengaruh di dalam kehidupan kita terdiri dari ibu bapa, anggota keluarga, guru, rakan sebaya dan lain-lain. Pengaruh ibu bapa diperolehi dari didikan yang diberikan sejak dari kecil dengan mempengaruhi pendapat dan nilai mereka. Ibu bapa adalah orang yang pertama memindahkan kepada anak-anak segala warisan sosial, kebudayaan dan nilai serta adat kebiasaan melalui pengalaman mereka. Secara tidak langsung ibu bapa turut memainkan peranan di dalam membentuk minat anak-anak mereka terhadap sesuatu perkara termasuklah di dalam soal memilih pekerjaan.

Mengikut Margaret Mead (di dalam Canger, 1973), di dalam budaya yang stabil biasanya anak-anak menghormati ibu bapa sebagai pembimbing mereka kerana ibu bapa dianggap lebih matang dan mempunyai pengalaman yang lebih luas. Malahan Morrison dan Mac Intyre (1970) mempunyai dapatan yang tidak berbeza dan menegaskan bahawa ibu bapa yang bekerja sebagai guru boleh mempengaruhi secara langsung anak-anak mereka untuk memilih profesion yang sama dan dapatan ini menguatkan lagi kepentingan pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak. Kajian yang dilakukan oleh Fox (1961) menunjukkan seramai 75% daripada respondennya menyatakan mereka dipengaruhi oleh guru mereka apabila membuat keputusan untuk memilih pekerjaan.

Pengaruh guru juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya di dalam kehidupan seseorang individu kerana dalam tempoh 11 tahun, seseorang kanak-kanak itu membesar dalam persekitaran persekolahan. Kenyataan di atas disokong oleh Jantzen (1981), yang menunjukkan adanya pengaruh guru dalam pemilihan pekerjaan. Pengaruh guru juga mendapat tempat dalam keenam-enam kajian Joseph & Green (1986).

Pengaruh guru tidak begitu menonjol dalam kajian yang pernah dibuat di Malaysia. Menurut Obura (1974), pengaruh ibu bapa mengatasi pengaruh guru. Dapatan yang sama diperolehi oleh Quek (1991) yang mendapati bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pilihan kerjaya dikalangan guru pelatih teknikal. Menurutnya lagi, seramai 77.1% daripada sampelnya mengatakan bapa merupakan ahli keluarga yang paling berpengaruh berbanding dengan 22.9% yang menyatakan ibu juga mempunyai pengaruh di dalam hal ini. Manakala kajian yang dibuat oleh Noran Fauziah Yaakub (1990), menunjukkan 74% daripada respondennya tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka dipengaruhi oleh guru mereka dan hanya 23% sahaja yang menyatakan mereka mendapat bimbingan daripada guru kerjaya mereka.

Faktor Peribadi dengan Pemilihan Kursus

Dalam banyak kajian yang telah dibuat, faktor suka kanak-kanak dan faktor suka bergaul dengan remaja sering menunjukkan adanya hubungan yang signifikan dengan keputusan seseorang memilih kerjaya perguruan. Profesional keguruan sebenarnya menyediakan banyak peluang untuk berinteraksi dengan kanak-kanak dan seterusnya dapat memahami mereka dengan lebih baik lagi. Oleh yang demikian, profesion memerlukan orang yang benar-benar menyukai kanak-kanak kerana jika seseorang guru suka kanak-kanak dan merasa seronok bergaul dengan kanak-kanak, maka akan wujudkan pengajaran yang berkesan (Lasley, 1980).

Seterusnya, dapatkan yang sama diperolehi oleh Jantzen (1981), yang telah membuat kajian di antara tahun 1946-1979, Lau (1964), Lortie (1975) dan memetik fakta dari tesis Noran Fauziah Yaakub (1988), yang menyatakan kajian yang dijalankan oleh Persatuan Pendidikan Kebangsaan Amerika Syarikat (NEA) pada tahun 1967 menunjukkan 34% daripada 2316 orang guru yang menjadi responden menyatakan mereka memilih profesion keguruan kerana ingin bekerja dengan golongan muda.

Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Wood (1978), menunjukkan sampel kajiannya memberikan sebab yang sama sebagai pilihan pertama mereka memilih profesion keguruan. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1982), mendapati diantara motif intrinsik yang mendorong seseorang memilih menjadi guru ialah berminat terhadap kanak-kanak dan remaja.

Hayes (1990) telah menjalankan satu kajian ke atas mahasiswa pendidikan disebuah universiti mengenai sebab-sebab mereka memilih profesion keguruan. Hasil kajiannya menunjukkan kebanyakkan penuntut memasuki profesion keguruan kerana ingin mengubah kehidupan kanak-kanak ke arah yang lebih positif, diikuti oleh peluang untuk meluahkan daya kreatif, seterusnya sebab suka kanak-kanak disamping dapat menanamkan sikap tanggungjawab terhadap diri.

Seorang lagi pengkaji yang telah menggunakan penuntut kolej sebagai sampel ialah Meiner et al. (1993). Beliau telah membuat kajian mengenai sebab-sebab penuntut kolej memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka. Beliau telah membandingkan diantara guru pelatih Harvard Graduate School of Education dengan guru pelatih Urban College. Hasil kajiannya menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang dipilih oleh pelatih dari kedua-dua kolej adalah sama. Di antara sebab mereka memilih profesion keguruan kerana terdapat peluang untuk berkreatif, gembira bekerja dengan remaja dan ingin berkhidmat dengan masyarakat. Dapatkan kajian oleh Weiner et al. ini bersamaan dengan penemuan oleh Adam (1982) dan Powel et al. (1993).

Seterusnya, kajian oleh Noran Fauziah Yaakub (1990) menunjukkan terdapat sebab-sebab yang lain yang boleh dikategorikan sebagai pertimbangan peribadi yang juga mempengaruhi seseorang memilih profesion keguruan. Dapatan kajiannya menunjukkan 80% respondennya bersetuju bahawa mengajar sesuai dengan watak dan kebolehan mereka dan 70% lagi mengatakan profesion keguruan sememangnya menjadi cita-cita mereka. Kajian yang dilakukan oleh Karthigesu (1987) mendapati 67% sampelnya memilih profesion keguruan kerana didorong oleh minat terhadap pekerjaan itu sendiri dan 48.3% pula memilih menjadi guru kerana memenuhi cita-cita mereka.

Faktor Kerja itu Sendiri dengan Pemilihan Kursus

Profesion keguruan mempunyai ciri-ciri yang dapat menarik seseorang memilihnya sebagai kerjaya mereka. Di antaranya, profesion keguruan memberi peluang kepada seseorang untuk berkhidmat kepada masyarakat dan juga disebabkan oleh faktor kemanusiaan. Menurut Ginzberg et al (1951), apabila seseorang membuat pertimbangan mengenai pemilihan pekerjaan, dia akan menilai dirinya dari pelbagai sudut yang berkaitan dengan profesion yang dipilih seperti kebolehan, kelayakan, bakat dan personalitinya. Sementara itu, Holland (1985) pula menyatakan individu itu tidak akan kekal lama dalam satu-satu pekerjaan sekiranya pekerjaan itu dirasakan tidak mempunyai persamaan dengan personalitinya.

Kajian tempatan yang awal mengenai sebab guru pelatih memilih profesion keguruan telah dibuat oleh Daisy Ee (1974). Beliau telah menjalankan kajian ke atas 2046 orang guru pelatih di lima buah maktab perguruan. Hasil kajiannya menunjukkan seramai 73.5% guru pelatih memilih profesion keguruan kerana beranggapan profesion ini dihormati, disamping peluang berkhidmat kepada masyarakat.

Anucia (1981) di dalam kajiannya juga ke atas guru pelatih menunjukkan 66.15% sampelnya memilih profesion keguruan kerana profesion ini memberi mereka peluang untuk berkhidmat kepada masyarakat. Guru-guru dalam kajian Book et al. (1985) dan Rowse & Ley (1986) mengatakan mereka mendapat kepuasan peribadi dengan menjadi guru. Mereka mengutamakan keinginan untuk membantu orang lain dan tidak memberi pertimbangan yang berat kepada status atau gaji yang akan diterima.

Selain dari sebab-sebab di atas, Noran Fauziah Yaakub (1990) juga menyatakan bahawa profesion keguruan adalah merupakan pekerjaan yang terjamin di Malaysia dan adalah mudah bagi guru pelatih lepasan Maktab Perguruan mendapat pekerjaan selepas tamat latihan kerana seluruh program latihan mereka dibiayai oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain dari ciri-ciri di atas, terdapat ciri-ciri lain yang menarik seseorang itu memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka. Diantaranya, cuti yang banyak dan waktu bekerja yang singkat iaitu kurang dari lapan jam. Bagi guru wanita pula, mereka berpendapat kerjaya ini sangat sesuai untuk mereka setelah berkahwin kelak kerana mereka boleh mengikut suami bertugas di mana-mana (Noran Fauziah Yaakub, 1990). Kemudahan seperti ini juga mempengaruhi seseorang memilih kerjaya ini. Guru-guru pelatih yang sudah berkahwin menunjukkan komitmen yang lebih baik. Hal ini kerana mereka yang sudah berkahwin telah mencapai peringkat kematangan fikiran, emosi yang stabil dalam tindak-tanduk mereka serta mencapai keseimbangan dari segi JERI sebagaimana yang termaktub dalam piagam Falsafah Pendidikan Negara.

Ribak (1994) sewaktu menjalankan kajian ke atas penuntut lepasan ijazah untuk mengetahui sebab-sebab orang memilih kerjaya sebagai pentadbir sekolah, kaunselor sekolah dan guru telah memperolehi dapatan yang hampir sama iaitu sebab-sebab yang mempengaruhi seseorang menjadi guru adalah kerana pekerjaan yang terjamin, jadual kerja yang tersusun baik dan cuti yang mencukupi.

Faktor Jantina dengan Pemilihan Kursus

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara jantina dengan keputusan memilih profesion keguruan. Diantaranya kajian oleh Pratt (1975), Shinar (1975), Suchner dan Moore (1975) [yang terkumpul dalam Osipow, 1983], semuanya menunjukkan adanya pengaruh jantina di dalam pemilihan kerjaya seseorang.

Currie (1982) juga telah menyentuh perkara yang sama. Dapatan dari kajiannya telah menunjukkan pola pemilihan kerjaya penuntut-penuntut di Australia Barat lebih cenderung tergolong di dalam pekerjaan yang secara tradisionalnya dipadankan dengan jantina. Di dapat pekerjaan utama yang dipilih oleh penuntut wanita ialah bidang perguruan, jururawat dan sebagai ahli terapi. Sementara penuntut lelaki pula lebih meminati bidang perakaunan, kejuruteraan dan pilihan ketiga ialah perguruan. Hasil terperinci kajiannya menunjukkan sebanyak 25.1% daripada penuntut wanita telah memilih profesion keguruan berbanding dengan 10.1% daripada penuntut lelaki yang memilih bidang yang sama. Dapatan dari kajiannya juga menunjukkan bilangan guru wanita adalah tiga kali ganda lebih ramai daripada bilangan guru lelaki di Australia Barat. Kesan dari kajian ini menunjukkan bahawa profesion keguruan adalah profesion yang boleh diidentifikasi dengan kewanitaan. Keadaan yang hampir sama juga telah berlaku dinegara kita. Kajian Abdul Raof Dalip (1989) melaporkan bahawa di antara motif sampelnya memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka adalah kerana guru sesuai dan secocok untuk kaum wanita.

Begitu juga kajian Wafubwa (1991) yang mendapati peranan jantina penting serta mempengaruhi sikap dan pilihan kerjaya seseorang. Dapatkan kajiannya menunjukkan sampel guru perempuan memilih profesi keguruan kerana faktor fleksibiliti yang membolehkan wanita melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ibu dan wanita berkerjaya dengan berkesan. Kesimpulannya, Wafubwa berpendapat bahawa profesi keguruan secara tradisinya diterima sebagai profesi untuk wanita kerana ia membolehkan wanita berjaya di dalam kerjayanya juga di dalam urusan rumahtangga dan keluarga. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru menunjukkan bilangan guru pelatih wanita yang menuntut di 28 buah Maktab Perguruan seluruh Malaysia di dapati melebihi calon lelaki (Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991).

Pada kebiasaan kita lihat di institusi latihan keguruan, bilangan guru pelatih perempuan melebihi dari kaum lelaki. Ketidaksamaan bilangan ini adalah tidak membimbangkan kerana Abd. Main Salimon (1993) mendapati kepuasan kerja guru perempuan adalah lebih tinggi daripada kaum lelaki. Dengan ini mereka akan sedia berkhidmat sebagai guru dalam jangkamasa yang lebih lama dan kurang mendorongkan mereka meninggalkan profesi keguruan dalam jangkamasa yang singkat.

Dalam perspektif ini kita lihat kesan dan implikasi ke atas dasar pengambilan guru pelatih lebih tertumpu kepada kaum wanita dengan harapan agar kurang berlakunya kekosongan jawatan setelah guru terlatih sebaik sahaja menamatkan kontrak keguruan mereka. Dengan ini juga secara keseluruhannya dapatkan kajian menyokong teori feminis yang dipelopori oleh Foss, Foss dan Robert (1991) yang mana guru wanita merupakan aset dan ciri-ciri guru yang sesuai dengan nilai yang luhur, penyatuan emosi keibuan semasa mendidik, kasih sayang dan cintakan pelajar, berkeyakinan, semangat kental dan kestabilan emosi khususnya pada mereka yang sudah berkahwin atau mendirikan rumahtangga.

Di samping ciri-ciri penting yang telah dibincangkan tadi, terdapat fakta kukuh sebagaimana yang tersurat dalam buku panduan "Muslim Women's Rights and Responsibilities" keluaran Jabatan Perdana Menteri (1984) ada menerangkan bahawa dari sudut pandangan Islam yang berbunyi wanita Islam perlu sedar bahawa pekerjaan berbentuk pendidikan paling sesuai, secocok dengan naluri dan jasmani mereka. Berdasarkan hakikat inilah bagi pengkaji sebarang kemosyikilan dan masalah tidak mungkin timbul jika bilangan guru perempuan melebihi kaum lelaki malahan ianya akan memantapkan lagi prestasi dan imej profesi keguruan.

Sesuai dengan hujah dan huraiyan Abd. Main (1993), beliau melihat aspek pekerjaan wanita dari sudut pandangan Islam adalah lebih baik sekiranya dengan kelulusan dan prasyarat yang sama dengan kaum lelaki tetapi kuota yang lebih tinggi diberikan kepada kaum wanita Islam untuk menjadi guru.

Dengan cara ini mungkin bilangan wanita Islam yang menjawat jawatan yang lebih agresif dalam bidang lain berkurangan dan tempat tersebut dapat diambilalih oleh kaum lelaki pula. Polisi ini jika dilaksanakan akan menyediakan suasana tempat kerja yang lebih harmoni khususnya pergaulan bebas di antara pekerja lelaki dan wanita Islam di tempat kerja. Bagaimanapun satu perkara yang perlu kita hayati, seseorang wanita yang bekerja sebagai guru mereka akan bergaul dengan murid-murid atau pelajar yang jauh lebih muda daripada mereka. Dengan enviromen dan situasi demikian kemungkinan bagi kaum wanita untuk melakukan perkara-perkara sumbang adalah lebih tipis dan terhapus sama sekali.

Faktor Lokasi Tempat Tinggal

Mengenai lokasi tempat tinggal, didapati beberapa kajian meunjukkan faktor ini juga turut mempengaruhi keputusan seseorang individu memilih profesion keguruan. Menurut Charters (1973) dalam kajiannya mengenai latar belakang sosial guru di Amerika Syarikat mendapati kebanyakkan guru-guru di sana berasal dari luar bandar atau pekan kecil. Mereka lebih cenderung memilih profesion keguruan kerana ingin memperbaiki status sosial mereka. Hasil kajian oleh Chivore (1986) di Zimbabwe mendapati pelajar-pelajar sekolah yang berasal dari kawasan luar bandar lebih meminati profesion keguruan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar dari kawasan bandar. Kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1986) menunjukkan lebih ramai guru sekolah rendah datang dari kawasan luar bandar manakala kebanyakkan guru yang mengajar di Institusi Pengajian Tinggi pula datang dari kawasan bandar.

Kajian-Kajian Lampau

Di dalam kajiannya yang bertajuk "Mengenalpasti Motif Memilih Profesion Keguruan Di Kalangan Mahasiswa UPM", Noran Fauziah Yaakub telah membahagikan motif memilih profesion keguruan kepada 5 faktor iaitu faktor altruistik, faktor minat dengan keadaan pekerjaan yang memuaskan, faktor pertimbangan peribadi, faktor pengaruh dan faktor sebab praktikal (Suara Pendidik, 1990).

Di dalam kajiannya, apabila 28 item disenaraikan maka didapati lima item utama yang menjadi motif utama Mahasiswa UPM memilih profesion keguruan iaitu profesion ini satu pekerjaan yang mulia (97.6%), menjadi guru memberi peluang kepada saya berkhidmat untuk masyarakat (97.45), saya suka menyampaikan pengetahuan kepada orang lain (97%), saya yakin boleh mendidik generasi muda (95.7%) dan dengan menjadi guru telah memberi kesedaran tentang kebolehan saya dalam mengurus,

memimpin dan yakin berucap dihadapan orang lain (92.6%). Ini adalah faktor altruistik.

Kajian oleh Mohd. Sahandri Gani B. Hamzah (2003) yang bertajuk "Komitmen Kerja Guru Pelatih: Satu Meta Penilaian" di dalam jadual di bawah menunjukkan rumusan pendapat guru pelatih tentang faktor pendorong kepada mereka untuk menceburi diri dalam profesi keguruan mengikut keutamaan masing-masing.

Keseluruhan respon guru pelatih yang ditunjukkan pada Jadual 1 berkaitan memilih minat dan dorongan pihak-pihak tertentu seperti ibu bapa, rakan sebaya dan kaum keluarga menjadi faktor pendorong terpenting bagi mereka memilih profesi keguruan. Selain daripada itu faktor masa lapang yang banyak dan cuti sekolah yang panjang serta kesukaran untuk mendapat pekerjaan lain sebagai langkah bijak bagi mereka membuat keputusan dan memilih kerjaya guru. Walau bagaimanapun faktor-faktor lain seperti komitmen kerja, peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kesesuaian tangga gaji dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan kependidikan masih lagi menjadi faktor pendorong walaupun peratusannya kecil.

Jadual 1. Susunan Pendapat Tentang Faktor Pendorong Menjadi Guru

Bil.	Kriteria/ Fungsi	Peratus
1.	Minat	74.10
2.	Dorongan pihak lain	67.90
3.	Banyak masa cuti	66.70
4.	Dorongan diri sendiri	58.00
5.	Tiada pilihan lain	53.10
6.	Berjiwa pendidik	48.10
7.	Cabarannya tinggi	44.40
8.	Profesi mulia	42.00
9.	Mendisiplinkan pelajar	39.50
10.	Komitded	34.60
11.	Peningkatan ilmu	29.40
12.	Gaji sesuai dengan kelulusan	27.20

Menurut Md Ali Hassan (2003) yang membuat kajian terhadap 100 orang guru-guru wanita Melayu berumur dibawah 30 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 10 tahun dan sedang mengajar di beberapa buah sekolah menengah di Lembah Kelang, mendapati bahawa 61% responden menyatakan bahawa matlamat mereka menjadi guru adalah kerana cita-cita dan minat. 28% sahaja responden memilih kerjaya guru itu sebagai pilihan kedua kerjaya mereka dan 9% disebabkan oleh

pengaruh kawan atau keluarga dan 2% sebab-sebab lain seperti keadaan fizikal, tempat kerja, pekerjaan suami dan sebagainya.

Oleh yang demikian, jika dianalisa secara purata, jelas menunjukkan terdapat dua isu utama yang menyebabkan kerjaya guru menjadi pilihan iaitu memang kerana cita-cita dan minat serta pilihan kerjaya kedua.

Mewujudkan Guru Yang Berkualiti

Berdasarkan perbincangan perkembangan profesionalisme pendidikan guru sebelum dan selepas tahun 2000 menampakkan ia berjalan dengan baik walaupun beberapa halangan yang terpaksa dihadapi. Antaranya ialah masalah penempatan guru-guru di sekolah luar bandar, kekurangan guru dalam mata pelajaran Fizik, Kimia dan juga bahasa Inggeris, kemudahan asas yang terhad seperti kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah tertentu, penggunaan komputer dalam pembelajaran dan akhir-akhir ini perubahan kurikulum pendekatan pengajaran dalam bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains. Namun cabaran dan masalah ini dapat diatasi oleh pihak kerajaan secara beransur-ansur dan guru-guru sendiri.

Kekurangan guru dalam mata pelajaran tertentu nampaknya telah diatasi oleh universiti-universiti yang ada menyediakan Fakulti Pendidikan. Pada masa ini nampaknya guru-guru tidak kira sama ada lepasan Diploma mahupun Ijazah telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas. Inilah yang dikehendaki oleh negara kita dalam menempoh era teknologi, globalisasi dan liberalisasi. Untuk menempuh cabaran ini, bukan pelajar sahaja yang patut dibekal dengan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tetapi guru-guru juga perlu mengisikan pengetahuan ini secepat yang mungkin. Di negara Barat, Pembelajaran Berbantukan Komputer sudah lama dilaksanakan. Menurut kajian oleh Kulik, Bergert dan Willian (1983) yang telah mengkaji keberkesanan penggunaan Pembelajaran Berbantukan Komputer terhadap 48 orang pelajar menunjukkan bahawa 39 orang pelajar yang menggunakan komputer telah memperolehi markah yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang menggunakan kaedah tradisional.

Oleh sebab pada era ini, isu-isu kecemerlangan akademik diutamakan maka guru tidak terlepas dari kritikan masyarakat sekiranya mereka tidak dapat menghasilkan keputusan peperiksaan yang baik di kalangan pelajar. Jadi untuk mewujudkan guru-guru yang betul-betul berkualiti bukan mudah di mana banyak perkara yang diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah dan guru-guru.

Pengurusan sekolah yang baik dapat melahirkan guru yang berkualiti, persekitaran pembelajaran yang memberansangkan dan melahirkan pelajar

yang bermoral dan cemerlang. Jadi dalam hal ini, pihak pengetua mesti tegas dan perlu mengawal keseimbangan di antara kepentingan kepemimpinan pengajaran dan pengurusan. Gaya kepemimpinan pengajaran yang baik membolehkan guru-guru dapat mengaplikasikan di dalam pengurusan kelas dan hubungan dengan pelajar. Jadi pengetua yang mengambil berat dalam aspek pengajaran, biasanya selalu membuat penyeliaan serta penilaian ke atas guru-guru atau meminta guru-guru menyatakan masalah yang dihadapi semasa mengajar di dalam bilik darjah (Mohd Salleh Lebar, 2000). Walau bagaimanapun guru sebagai pemegang watak yang penting dalam proses pembelajaran perlu mempunyai ciri-ciri lain untuk menjadikan guru yang berkualiti. Ciri-ciri lain perlu diperkuuhkan, antaranya ialah:

- Bijak
- Pembentukan sikap yang baik
- Rajin berkerja
- Sabar

Guru mesti bijak dalam menyampaikan pengajaran dan juga bijak dalam matapelajaran yang diajar. Oleh itu pengisian ilmu dalam kedua aspek ini penting. Sebagai contoh, kenapakah sesetengah sekolah tidak mencukupi guru Fizik? Jawapannya ialah kerana sekolah tersebut tidak ada guru yang bijak atau berkebolehan dalam mata pelajaran Fizik. Pembentukan sikap yang baik membolehkan seseorang guru itu rajin bekerja, mesra dengan pelajar, cinta kepada profesion perguruan dan sanggup berkhidmat di mana-mana sahaja.

Sabar juga penting kerana dalam proses pengajaran. Dalam masa mengajar, guru terpaksa berdepan dengan pelbagai kerentahan pelajar, menghadapai pelajar yang lemah, kemudahan yang tidak mencukupi dan suasana pembelajaran yang tidak mengizinkan. Namun begitu sekiranya seseorang guru itu mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang positif maka ia dianggap guru itu berkualiti.

Dalam konteks masyarakat moden, perkataan guru membawa maksud yang luas dan tidak terbatas. Individu yang melibatkan diri mereka sama ada secara formal atau tidak formal bagi menyampaikan ilmu pengetahuan atau kepandaian kepada orang perseorangan atau kelompok individu digelar sebagai guru (Atan Long, 1984). Ahli-ahli sains sosial melabelkan golongan guru sebagai pendidik, pengajar, pengasuh dan pembimbing yang bertanggungjawab menyebar ilmu pengetahuan, mencorak tingkahlaku dan menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar. Tugas terpenting guru adalah melaksanakan proses dan pedagogi pengajaran yang membolehkan pembelajaran berlaku mengikut matlamat dan mencorakkan pola perlakuan yang berkualiti dan berkesan.

Dari segi tanggungjawab, guru merupakan golongan profesional kerana profesi ini lebih mementingkan perkhidmatan daripada ganjaran kewangan dan merasa bertanggungjawab dalam semua tindakan dan keputusan yang dibuat (Sufean, 1993). Guru yang berkualiti terdiri daripada mereka yang memiliki kriteria tertentu seperti keikhlasan, keazaman, kreativiti, dedikasi dan komited terhadap tugas dan tanggungjawab. Guru bukan sahaja menjadi pendidik dan pengasas kepada pengetahuan pelajar-pelajar tetapi juga menjadi pemimpin, penasihat dan agen perubahan dalam masyarakat. Sepanjang menjalankan tugas, matlamat guru adalah luhur demi memajukan pelajar, masyarakat dan negara. Dalam suasana dunia pendidikan yang begitu mencabar, guru dianggap sebagai pemimpin profesional. Profesional keguruan yang dibincangkan dalam kajian ini menjurus kepada skop tentang urusan pekerjaan pendidikan yang formal dan mempunyai kaitan langsung dengan guru-guru pelatih sahaja.

Musak dan Mohd. (1994) mengutarakan perbincangan dengan mengatakan martabat para pendidik dapat dipertingkatkan dengan mengambilkira perangcangan dan perlaksanaan beberapa strategi seperti mengadakan skim gaji yang berpatutan, menyediakan tempat kerja yang selesa, memperbanyak dan mengdemokrasikan peluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan, peluang kenaikan pangkat yang lebih luas dan menyeluruh serta memberi layanan yang sama seperti layanan yang pernah diberikan dalam sektor profesion yang lain.

Kesimpulan

Guru merupakan agen perubahan berperanan penting menyebarluaskan kurikulum kepada pelajar di sekolah. Guru sangat berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum (subjek) itu. Guru bertindak sebagai penyambung antara teori dan amalan dalam pendidikan. Guru mendidik berpandukan pukal kurikulum bersulam dengan kepercayaan, nilai dan sikap yang dianut. Kepercayaan, nilai dan sikap yang dipegang oleh guru akan menjelaskan enviromen pendidikan dan ‘bagaimana’ guru memberi makna dan mengadaptasi kurikulum di sekolah kepada pelajar di sekolah. Tahap pemikiran guru akan menentu dan memainkan peranan penting yang konstruktif dalam pendidikan guru dan pelajar pada masa hadapan.

Bertitik tolak daripada kenyataan ini, ternyata guru berperanan besar merealisasikan perlaksanaan kurikulum di sekolah. Seorang guru terdapat beberapa elemen penting profesionalisme keguruan yang memerlukan penghayatan melaksanakan kurikulum. Elemen-elemen ini boleh dikesan terjemahan daripada kepercayaan, nilai dan sikap guru sewaktu menyebarluaskan kurikulum dalam pengajaran di bilik darjah. Hal ini disahkan lagi tertakluk kepada kekangan dan peluang yang tersedia semasa guru-

guru ini berusaha menterjemah kurikulum di bilik darjah. Ternyata guru-guru masa kini perlu mempunyai secukupnya elemen dan aspek kefahaman tentang profesionalisme keguruan terhadap kurikulum dan pengajaran di bilik darjah. Ini bertujuan agar kekangan dapat dikurangkan dan peluang dapat digunakan bagi memaksimakan pengajaran, mengembang potensi insan dan meningkatkan tahap profesionalisme keguruan itu sekaligus.

Profesional guru dikatakan amat ‘tenat’ dan guru sedang menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Sering didedahkan dengan laporan tentang segelintir guru merokok, guru tidak cergas, guru tidur dalam kelas, guru selalu datang lewat ke sekolah dan guru mengajar sekadar melepas batuk di tangga. Keupayaan guru mengajar diragui. Lebih merisaukan kedapatan laporan sekolah yang mempersoalkan kewibawaan guru-guru pelatih sewaktu menjalani Praktikum atau Latihan Mengajar di sekolah. Juga kedapatan guru-guru yang merungut diminta mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen pengajian diri. Pelajar-pelajar yang mengambil program pendidikan di IPTA, khususnya juga dipersoalkan kemurniaan niat dan cita-cita kerjaya diri. Adakah pelajar menjadi pendidik sebagai pilihan terakhir kelayakan yang ada atau menyahut kemerunduman ekonomi semasa? Timbul semacam sewaku kekalutan terhadap profesion ini ketika ini. Adakah profesion keguruan ini sedang menghadapi ‘krisis identiti’ profesionalisme dan semakin terhakis kepercayaan masyarakat terhadap profesion ini?

Guru-guru yang telah menjalani satu tempoh latihan yang mencukupi, memperoleh ilmu pengetahuan yang mencukupi dan berdedikasi melaksanakan tugas patut menyedari tuntutan profesional profesion ini. Guru harus sedar akan perubahan peranan, keadaan yang memerlukan reformasi dan etika komuniti dalam masyarakat kontemporari. Guru yang dapat membawa diri ke tahap professional, kemungkinan besar menikmati tahap kejayaan yang lebih baik dan hasrat profesion akan lebih tersusun dan teratur.

Sejajar dengan ini, guru seharusnya sentiasa mengemaskini perkembangan pendidikan diri dengan bacaan dan inkuiiri diri yang meluas terutama bidang kepakaran masing-masing. Guru juga disarankan mengamalkan ciri-ciri penyelidikan profesion yang sentiasa berkembang. Penyelidikan membawa kepada inovasi dalam pendidikan diri seorang profesional. Guru perlu menganjak dan merubah paradigma melalui amalan penyelidikan yang kukuh. Guru bersikap terbuka dan tidak mempunyai tanggapan yang menyulitkan tentang sebab-sebab dan hubungan sebab-musabab melaksanakan tugas ini.

Rujukan

- Abd. Main Salimon. (1993). *Kepuasan Kerja Guru Dan Perkaitannya Dengan Latarbelakang, Pengurusan Kurikulum Dan Pengajaran.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abd Raof Dalip (1989). More Women Than Men Apply To Be Teachers. *New StraitsTimes*, May 18.
- Adam, R. (1982). Teachers Development: A Look At Changes In Teachers' Perceptions Across Time. *Journal Of Teacher Education*. Vol. 23, 4, 40-43.
- Anucia, Mutuhucumaru (1981). *Motivational Patterns Of Teacher Trainees And Their Relationship To Teaching Performance In The Classroom.* M.Ed. Thesis, Faculty Of Education, University Of Malaya.
- Atan Long (1984). *Pendidik Dan Pendidikan.* Petaling Jaya, Fajar Bakti.
- Awg Had Salleh (1980). *Pelajar & Perguruan Melayu Di Malaya: Zaman British.* Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Buku Panduan Kemasukan Ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam: Program Pengajian Lepasan Matrikulasi Sesi Akademik 2003/2004.* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Claderhead, J. (1987). (Ed). *Exploring Teachers' Thinking.* London, Casell.
- Currie, J. (1982). The Sex Factor In Occupational Choice. *The Australian And New Zealand Journal Of Sociology*. Vol. 18, p. 180-195.
- Education in Malaysia* (1989). Kuala Lumpur: Ministry of Education.
- Foss, S. K., Foss, K. A. & Robert, T. 1991. *Contemporary Perspective On Rhetoric.* Prospect Height. Waveland Press.
- Fox, R.B. (1961). Factors Influencing The Career Choice Of Prospective Teachers. *Journal Of Teacher Education*. Vol. 12, No. 4. p. 427-432.
- "Gaji Bukan Sebab Guru Bersara." *Utusan Malaysia*. 16 November 1993.
- Ginzberg, E., S. W. Ginzberg, S. Axelrad & J. L. Herma (1951). *Occupation Choice: An Approach To A General Theory.* New York: Columbia Universiti Press.
- Hayes, S. (1990). *Students Reasons For Entering The Educational Profesion.* Educational Research And Improment, Department Of Education, United States.
- Jabatan Perdana Menteri. 1984. Muslim Women's Rights And Responsibilities. *Risalah Bahagian Pendidikan Islam*. 15 (31).
- Janet, P. & Jerome, Q. (2003). *Contemporary Sp Management.* Champaign, Human Kinetics.
- Jantzen, J. M. (1981). Why College Students Choose To Teach. *Journal Of Education*. Vol. 32, p. 45-48.
- Joseph, P. B. & Nancy Green (1986). Perspectives On Reasons For Becoming Teachers. *Journal Of Teacher Education*. Vol. 37, No. 6. P. 28-33.

- Kagan, D. M., & Tippins, D. J. (1991). How Teachers' Classroom Express Their Pedagogical Beliefs. *Journal Of Teacher Education*. 42 (4), 281-291.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1982). *Report In Teacher Education Survey*. Malaysia, APEID & BPG.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Berita Bahagian Pendidikan Guru (1990). *Kearah Memantapkan Perancangan Program Latihan Guru*. p.88
- Kulik, J. A., Bangert, R. L., & Williams, G. W. (1983). Effects of Computer-Based Teaching on Secondary School Student. *Journal of Educational Psychology*, 75, 19-26.
- Lasley, T. J. (1980). Preservice Teacher Beliefs About Teaching. *Journal Of Education*. Vol. 31, No. 4.
- Lau, W. H. (1964). *A Study Of Motives For Teaching Among Training College Students*. Thesis For The Diploma In Educational Psychology, University Of Manchester.
- Lortie, D. C. (1975). *School Teacher: A Sociological Study*. Chicago: University Of Chicago Press, Chicago.
- Masalah Pendidikan (1990). *Sikap, Nilai Dan Prestasi Guru: Implikasi Kepada Pendidikan*. Jilid 14, p.85.
- Md. Ali Hassan. (2003). *Kemahiran Pengurusan Dan Kaitannya Dengan Kerjaya Guru: Satu Tinjauan Awal*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Fakulti Pendidikan UTM.
- Morrison, A. & D. McIntyre (1970). *Teachers and Teaching*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Mohd. Salleh Lebar (2002). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman.
- Mohd. Salleh Lebar (2003). Cabaran Pelajar Melayu Dalam Pelaksanaan Sistem Meritokrasi. *Fokus Minda*, (1), 31-37.
- Mohd. Salleh Lebar. (2003). *Pendidikan Guru Di Malaysia Masa Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan, Kuching, Sarawak.
- Mohd. Sahandri Gani B. Hamzah. (2003). *Komitmen Kerja Guru Pelatih: Satu Meta Penilaian*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan, Kuching, Sarawak.
- Musak Mantrak & Mohd. Yaakob. (1994). *Kearah Meningkatkan Martabat Pendidikan Abad Ke 21: Cabaran, Hakikat Dan Harapan*. Prosiding Seminar Latihan Keguruan Antara Universiti ke 9. 31-37.
- Noran Fauziah Yaakub (1988). *The Relationship Between Personality Traits, Motives For Teaching And Teacher Trainees Attitude Towards Teaching & Their Performances*, USM, p.24.
- Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob (1990). *Guru Dan Perguruan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Obura, Simon Ojwang (1974). *Attitude Towards And Interest In Teaching Among Trained Secondary School Teachers*. M. Ed. Dissertation, Education Department, University Of Malaya.
- Quek, A. H. (1991). *Nature, Stability And Consequences Of Career Choice Among Technical Teachers And Super's Theory Of Vocational Development*. Ph. D. Thesis, Faculty Of Education, University Of Malaya.
- Richards, R. (1960). Prospective Students Attitude Towards Teaching. *Journal Of Teacher Education.*, Vol. 11, p. 375-380.
- Suriani Supardi, (1996). *Faktor-Faktor Memilih Profesional Keguruan Di Kalangan Guru Pelatih KPLI Di MPT*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Salleh Abd Rashid. (2003). *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum Dan Pengajaran*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan, Kuching, Sarawak.
- Sharifah Md. Nor (2000). *Keberkesanan Sekolah*. Serdang: UPM.
- Weiner, L., Swearingen, J., Pagano, A., & Roselynn OBI. (1993). *Choosing Teaching As A Career*. Paper Presented To The Eastern Educational Research Association Florida, Clear Water.
- Wood, K. E. (1978). What Motivates Students To Teach? *Journal Of Teaching Education*. Vol. 29, No. 6, p. 48-50.